



ARKIB BERITA

2023

ISI KANDUNGAN :

Siri	Tajuk	Muka surat
1.	36,000 Banjiri Stadium Pangkalan TLDM Lumut Untuk Ceramah Perdana UAS	4-5
2.	Bintara Tunjang Kecemerlangan TLDM	6-7
3.	Ceramah Integriti Peringkat Markas Tentera Laut	8
4.	Diplomasi Pertahanan Melalui 'Regional Strategic Communications Workshop'	9-10
5.	Either All Come To The Surface Or No Does	11-12
6.	Eksesais Angkasa Samudera Siri 14-23 Kini Bermula	13-14
7.	Executive Talk RMN Chief Engineer Di Mpat	15-16
8.	Hari Terbuka Armada Barat 2022 Perkasa Hubungan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Dan Masyarakat Awam	17-18
9.	Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran Dan Pingat Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-66 Dymm Seri Paduka Sultan Perak Darul Ridzuan	19-20
10.	Kejayaan Obsolescence Program (Op) Kd Perkasa Lakar Sejarah Tldm	21-23
11.	KPSI Ungguli Pertandingan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Peringkat Markas Tentera Laut	24-25
12.	Kursus Defence Services Command And Staff College (DSCSC) 2022, Di Mirpur, Dhaka, Bangladesh	26-27
13.	Kursus Hrmis Dan Bpr Siri 1-23	28-29
14.	Kursus Pegawai Dan Penyelia Integriti Siri 1-23	30-31
15.	Laskarnita TLDM Pertama Yang Diiktiraf Sebagai Juruteknik Bertauliah (Tc.)	32
16.	Latihan Kuasa Tembakan 2023	33-34
17.	Lawatan Kesedaran Ke Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Dengkil	35-36
18.	Lawatan Rasmi Panglima Tentera Nasional Indonesia Ke Malaysia	37-38
19.	Lonjakan Kesiagaan Agenda Lawatan Kerja Menteri Pertahanan Ke Pangkalan TLDM Lumut	39-40
20.	Majlis Makan Malam Rejimental Ppt Kanan Angkatan Tentera Malaysia 2023	41
21.	Majlis Pemakaian Pangkat Dan Serah Terima Tugas Panglima Tentera Laut	42-43
22.	Majlis Pemakaian Pangkat Warga Markas Logistik Barat Dan Unit-Unit Bawah Naungan	44
23.	Majlis Penutup Kursus Asas Paskal Siri 72-23	45
24.	Majlis Perasmian Dan Penamaan Pangkalan Tldm Johor Bahru Oleh Dymm Sultan Johor	46
25.	Majlis Perutusan Ulung Panglima Tentera Laut	47
26.	Menggapai Langit Di Longitud 109	48-49
27.	Pemakaian Lencana (Insignia) Jurutera Profesional Dan Teknologis Profesional	50
28.	Pemakaian Pangkat Pegawai TLDM Dan Pegawai Psstldm	51

29.	Pengadil Futsal Wanita Pertama Malaysia Kendali Final Kejuaraan Futsal Kelab Aff 2023	52
30.	Pengurusan Sisa Pepejal Di Pangkalan TLDM - Inisiatif Kearah Zero Waste	53-54
31.	Perbarisan Skuadron Kapal Misi Pesisir (LMS) Ke-11 Tampil Kesepaduan	55-57
32.	Program Penghargaan Panglima Tentera Laut Ke-17	58-60
33.	Serah Terima Tugas Timbalan Panglima Tentera Laut	61-62
34.	Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan Kementerian Pertahanan Dikurniakan Kepten (KEHORMAT) Pasukan Simpanan Sukarela TLDM	63-64
35.	TLDM Penerima Anugerah Khas Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat Nasional	65-66
36.	Warga The Navy People Di Armada Timur Zahirkan Penghargaan Buat Panglima Tentera Laut Ke-17	67-68

36,000 BANJIRI STADIUM PANGKALAN TLDM LUMUT UNTUK CERAMAH PERDANA UAS



LUMUT, 15 Julai - Seramai 36,000 pengunjung telah membanjiri Stadium Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut untuk mendengar Ceramah Perdana yang disampaikan oleh penceramah terkenal, Prof Hj Ustaz Abdul Somad (UAS) malam tadi.

Ceramah Perdana anjuran TLDM yang julung kali diadakan secara besar-besaran itu bertajuk “Hijrah Madani Bersama Mujahid Samudera” bagi menghayati sambutan Maal Hijrah, khususnya dalam kalangan warga *Navy People*. Acara tersebut juga dibuka kepada orang awam yang tidak melepaskan peluang mendengar ceramah pendakwah terkenal yang kini dalam siri jelajah selama empat hari ke Malaysia bermula Khamis 13 Julai.

Antara kupasan ceramah Ustaz Abdul Somad adalah maksud ‘Hijrah’ dalam konteks diri sendiri dan juga pembangunan hijrah yang holistik dalam ruang lingkup kehidupan masyarakat.

Ini jelas memperlihatkan antara objektif utama penganjuran seperti dijelaskan oleh Pegawai Staf 1 Agama MTL, Leftenan Kolonel Ahmad Kamil bin Haji Abdullah bahawa maksud hijrah dalam konteks warga TLDM melalui tema sambutan “Mujahid Samudera Raya” iaitu memfokuskan kepada perjalanan kehidupan kerjaya sebagai anggota tentera dalam memastikan garapan ilmu “*from cradle to grave*” dalam menghasilkan warga *Navy People* yang terbaik untuk berkhidmat dan menabur bakti dalam TLDM khasnya dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) amnya.

Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob; barisan tertinggi Jawatankuasa Laksamana bersama isteri masing-masing; tetamu kenamaan sekitar Manjung dan Pulau Pangkor serta mantan Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany turut hadir memeriahkan majlis tersebut.

Terdahulu, Ustaz Abdul Somad dan delegasi rombongan program yang tiba di Pangkalan TLDM Lumut pada sebelah petang telah disambut oleh Asisten Ketua Staf Pentadbiran dan Sekretariat, Laksamana Pertama Ahmad Asri bin Yaacob dan berkesempatan melawat Kapal Diraja (KD) SRI INDERA SAKTI. Mereka telah menerima taklimat pengoperasian dan menikmati minum petang di kapal logistik tersebut.

BINTARA TUNJANG KECEMERLANGAN TLDM***Panglima Armada Timur turut berkongsi amanat dan harapan kepada Bintara yang hadir***

KOTA KINABALU, 18 Jul - Jelajah Seminar Bintara diteruskan dengan penganjuran di Wilayah Timur minggu ini. Seminar yang dinamakan Seminar Bintara Wilayah Timur atau 'SBWT' telah berlangsung selama dua hari bermula semalam serta melibatkan seramai 150 Bintara TLDM yang terdiri daripada warga *Navy People* berpangkat Bintara Muda sehingga Pegawai Waran I.

Penganjuran seminar ini adalah suatu platform yang merangkumi sesi perkongsian maklumat dan pengetahuan daripada '*Subject Matter Expert*', melalui ceramah, perbahasan dan interaksi sosial.

Dengan objektif memperkasakan ilmu dan keyakinan bintara bagi membantu pengurusan peringkat atas, platform ini digunakan semaksimumnya bagi meningkatkan kesedaran bintara mengenai cabaran yang dihadapi TLDM pada masa kini. Ia turut menggalakkan percambahan serta perkongsian pandangan dan idea dalam mengatasi isu berkaitan pencapaian kesiagaan tertinggi organisasi.

Peluang ini turut dijadikan serampang dua mata untuk melahirkan bintara yang profesional dan kreatif serta inovatif selari dengan tanggungjawab sebagai 'tulung belakang' perkhidmatan, yang seterusnya dapat memacu organisasi TLDM ke arah kecemerlangan.

Terdahulu, majlis perasmian telah disempurnakan Inspektorat Jeneral TLDM, Laksamana Muda Mohd Fadzli Kamal bin Mohd Mohaldin sebelum sesi pembentangan kertas kerja, sesi interaksi dimulakan. Program hari kedua yakni hari terakhir turut dipenuhi dengan pengisian Ceramah Modal Insan, Sesi Perkongsian oleh Timbalan Panglima Armada Timur, Wacana bersama Pegawai Waran TLDM serta Perkongsian Ilmu dalam Komunikasi dan Sistem Informasi di dalam TLDM.

Panglima Armada Timur, Laksamana Madya Dato' Pahlawan Hj Muhammad Ruzelme bin Hj Ahmad Fahimy yang turut hadir telah berkongsi amanat dan harapan beliau kepada barisan Bintara. Mengakhiri seminar kali ini, beliau telah menyampaikan Sijil Penyertaan serta cenderahati sebagai tanda kenangan.

Seminar ini adalah langkah proaktif yang perlu kesinambungan bagi melahirkan generasi kepimpinan yang berkualiti dan berkredibiliti. TLDM sentiasa memandang ke hadapan dalam mempertingkatkan profesionalisme warganya tanpa mengira pangkat dan sempadan.

CERAMAH INTEGRITI PERINGKAT MARKAS TENTERA LAUT

KUALA LUMPUR, 28 Mac - Bahagian Inspektorat Jeneral, Markas Tentera Laut (MkTL-BIJ) telah menganjurkan Ceramah Integriti Peringkat MkTL di Auditorium KEMENTAH. Ceramah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Penguasa Kanan Mohamad Azhar bin Abang Mentaril, Pegawai Siasatan Unit Integriti KEMENTAH. Fokus ceramah adalah risiko dan kesan rasuah serta kepentingan budaya integriti di tempat kerja.

Seramai 72 pegawai dan anggota daripada semua Bahagian MkTL telah hadir dalam ceramah ini. Sesi ceramah ini diakhiri dengan penyampaian cenderamata sebagai tanda penghargaan kepada penceramah jemputan yang disempurnakan oleh Laksamana Pertama Ee Chee Kiong, Timbalan Inspektor Jeneral Tentera Laut. Semoga ceramah ini dapat meningkatkan kesedaran dan memberi nilai tambah kepada para hadirin seterusnya kepada warga TLDM yang lain melalui perkongsian ilmu berkaitan kepentingan integriti dan kesan ketirisan dalam organisasi.

Sumber : Mk TL, Bahagian Inspektorat Jeneral

Artikel : Kdr Ts. Muhammad Faliq Anwar bin Muhammad Fauzi TLDM

Foto : PW I PNK Norazmi bin Abdul Talib

DIPLOMASI PERTAHANAN MELALUI 'REGIONAL STRATEGIC COMMUNICATIONS WORKSHOP'



Peserta Regional Strategic Communications Workshop 2023

Canberra, Australia – Dua orang wakil dari Angkatan Tentera Malaysia, iaitu Leftenan Komander Mohd Shahril bin Abdul Ghani TLDM dan Mejar Mohd Norhelmi bin Mohd Zaki antara 30 peserta dari 13 buah negara Indo-Pasifik telah menyertai bengkel '*Regional Strategic Communications Workshop*' yang diadakan pada 2 hingga 8 September di Canberra, Australia.

Penyertaan daripada 13 negara serantau Indo-Pasifik iaitu Malaysia, Indonesia, Vietnam, Filipina, Kemboja, Thailand, Mongolia, Papua New Guinea, Tonga, Singapura, Fiji, Vanuatu dan New Zealand memperlihatkan kepelbagaian budaya, bangsa dan agama namun masih boleh disatukan dengan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan rasmi demi mencapai objektif bengkel dalam perkongsian kepakaran, pengalaman, ilmu dan seterusnya meningkatkan kemahiran komunikasi strategik masing-masing.

Para peserta juga dapat mendalami seni penyampaian mesej yang berkesan dan dalam masa yang sama, mengekalkan naratif yang selari dengan kehendak pertahanan negara. Antara perkara yang menjadi perbincangan adalah cara menangani maklumat palsu, pengurusan krisis dan penyesuaian dengan lanskap komunikasi yang sentiasa berubah.

Eksesais Talisman Sabre 23 yang diadakan di Australia baru-baru ini telah dijadikan kajian kes dalam proses perkongsian maklumat. Eksesais tersebut menjadi platform

yang menguji kecekapan pegawai komunikasi strategik, yang mana seramai 33,000 anggota dari 13 negara telah menjalani latihan dalam satu kawasan yang sangat luas. Kejadian insiden sebenar semasa eksekusi tersebut yang mengorbankan empat nyawa turut menguji kemampuan perkongsian maklumat semasa krisis.

Pengisian bengkel turut dimuatkan dengan kehadiran pakar dari Pegawai *1st Joint Public Affairs Unit* dan *Military Camera Team* yang telah berkongsi petua dan teknik bagi membantu dalam pengurusan media yang merangkumi cara penghasilan imej dan mesej yang berkesan, menentukan sasaran dan mengukur keberkesanan setiap produk komunikasi yang dihasilkan. Di samping itu, perbincangan tentang penggunaan media sosial secara bertanggungjawab dan kesan terhadap persepsi awam turut dimuatkan dalam bengkel berkenaan.

Selain bengkel, para peserta juga telah dibawa mengikuti lawatan ke tempat bersejarah iaitu menghadiri upacara Penghormatan "*Last Post*" di Australian War Memorial. Penghormatan tersebut adalah mengenang jasa dan pengorbanan yang dilakukan oleh wira-wira di masa lalu. Pelaksanaan upacara itu secara tidak langsung merupakan strategi dalam komunikasi yang berkesan bagi menimbulkan semangat patriotik di kalangan masyarakat di Australia.

Kesimpulannya, Bengkel Komunikasi Strategik yang diadakan selama tujuh hari itu telah berjaya mengukuhkan lagi hubungan strategik khususnya dalam konteks Komunikasi Strategik di kalangan 30 peserta dari 13 negara Indo-Pasifik melalui perkongsian maklumat, pengalaman dan pendapat bagi menambahbaik elemen komunikasi strategik di negara masing-masing.

EITHER ALL COME TO THE SURFACE OR NO DOES

KOTA KINABALU, 20 Jul - Seketika, perasaan sebak menyelubungi suasana di Wisma Kejora tatkala bait-bait kata ini dilafazkan daripada Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob. Hari ini, beliau telah hadir ke Pangkalan TLDM Kota Kinabalu bagi menyempurnakan upacara pemakaian lencana kepakaran Kapal Selam kepada sembilan orang 'Submariner TLDM' yang baharu.

Kesemua penerima lencana yang terdiri daripada 2 Pegawai dan 7 Anggota Lain-lain Pangkat ini telah berjaya mengharungi latihan yang menguji kekuatan fizikal dan mental khususnya dalam usaha menguasai teknologi kapal selam dengan persekitaran yang mencabar.

Setiap fasa latihan yang berbeza menuntut para pelatih untuk terus iltizam, tabah dan cekat agar generasi pelapis bagi Angkatan Kapal Selam TLDM terus kompeten dan kredible dalam mengendalikan kapal selam TLDM serta mempertahankan perairan tanah air tercinta.

Panglima Tentera Laut yang juga merupakan Submariner TLDM turut melahirkan rasa bangga serta mengingatkan semua submariner agar sentiasa mempamerkan tahap profesionalisme, kompetensi serta jati diri yang tinggi sebilang masa kerana penganugerahan lencana ini datang bersama amanah yang cukup besar iaitu mengoperasikan aset strategik negara. Beliau turut berharap pembangunan Angkatan Kapal Selam TLDM terus berkembang secara holistik serta bersistematik menerusi idea-idea yang kreatif agar setanding dengan Angkatan Kapal Selam negara maju yang lebih berpengalaman.

Majlis Pemakaian Lencana Kepakaran Kapal Selam hari ini telah menzahirkan komitmen Tentera Laut Diraja Malaysia dalam melahirkan modal insan yang siapsiaga di samping membuktikan kemampuan untuk mengoperasikan sistem berteknologi tinggi secara berdikari dan efektif tanpa melibatkan kebergantungan kepada negara luar.

Syabas dan tahniah buat kesemua *Submariner* TLDM yang baharu!

EKSESAIS ANGKASA SAMUDERA SIRI 14-23 KINI BERMULA

LUMUT, 2 Ogos - Eksesais bersama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang terbesar tahun ini kini telah bermula secara rasmi semalam, 1 Ogos 2023. Hadir menyempurnakan acara adalah Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob, Panglima Tentera Laut. Jeneral Tan Sri Datuk Seri Mohammad bin Ab Rahman, Panglima Tentera Darat dan Jeneral Tan Sri Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM, Panglima Tentera Udara turut hadir ke majlis yang diadakan di Auditorium Venus, Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan.

Eks ANGSA telah dilaksanakan kali terakhir pada tahun 2021 dengan berkonsepkan kepada *Staff Exercise* (STAFFEX), iaitu pelaksanaan eksesais tanpa penglibatan aset. TLDM dalam penganjuran tahun ini telah menyetengahkan aspek 3P iaitu People, Process dan Platform dalam melaksanakan eksesais secara *Field Training Exercise* (FTX).

Seramai 304 warga daripada kedua angkatan telah memulakan program fasa pelabuhan pada 28 Julai yang lalu. Antara pengisian utama yang telah dilaksanakan adalah siri pembelajaran dan pengajaran daripada pelbagai '*Subject Matter Expert*' atau pakar dalam bidang tertentu seperti;

Samudera Medik - Perkongsian oleh pakar perubatan berkenaan bantuan awal kecemasan dan tindakan rawatan pesakit yang menjurus kepada situasi peperangan/operasi. Perkongsian ini telah diselia oleh Kor Kesihatan Diraja (KKD) yang berkhidmat di Hospital Angkatan Tentera (HAT) Lumut dan Kota Kinabalu. Pasukan kesihatan juga bakal terlibat sebagai Medical Afloat Support Team (AST) di kapal-kapal semasa fasa laut bermula.

Konferensi Logistik - Markas Logistik Barat telah menghimpunkan kesemua pegawai yang berkepakaran Kejuruteraan/Teknikal serta Bekalan/Urusetia dalam memastikan objektif dan peranan logistik dalam menyokong kejayaan eksekutis tercapai. Sesi diskusi dan perkongsian menekankan pengoperasian logistik yang mampan serta langkah proaktif dan efektif dalam penyelesaian masalah berkaitan operasi kapal yang mampu menggugat kesiagaan armada terutama ketika beroperasi di laut. AST Logistik turut mengikuti pelayaran kapal-kapal TLDM dalam fasa berikutnya bagi memberi bantuan awal ketika menghadapi sebarang insiden berkaitan logistik di laut.

Taklimat Ilmu Kelautan, MKMA, Peperangan & Komunikasi - Pelbagai sesi pembelajaran dan pengajaran yang memfokuskan kepada pelaksanaan evolusi di laut turut dilaksanakan di sekitar unit/kapal TLDM sepanjang 4 hari di Tambatan Pangkalan Lumut. Dengan fokus '*refresh and react*', Bahagian Kesiagaan Markas serta SME Eksekutif/Pelaut mengambil inisiatif memahirkan warga dengan perkongsian ilmu dan praktikal semasa di pelabuhan. Ini turut bertujuan meminimumkan sebarang ketidakpatuhan prosedur dan pengendalian peralatan ketika evolusi di laut nanti.

Taklimat Operasi Udara - Sesi taklimat ini telah diselia oleh Markas Udara TLDM bersama TUDM serta memfokuskan kepada operasi udara melibatkan pesawat/helikopter dan kapal. Sesi perkongsian yang telah dilaksanakan bertunjangkan kepada keselamatan dalam kepatuhan prosedur latihan *Winching*, Latihan Pendaratan Dek dan penerangan tentang Prosedur Operasi Pertahanan Udara Maritim.

Command Team Training (CTT) – Sesi ini telah melibatkan kesemua pegawai yang terlibat dalam hierarki tertinggi atau '*Command Team*' dalam sesebuah kapal sebagai persediaan menghadapi peperangan maritim. CTT turut dilaksanakan bertujuan sebagai penasihat kepada Pegawai Memerintah dan '*Command Team*' membuat penilaian dan keputusan terbaik ketika menghadapi ancaman dalam operasi kelak.

Combat Fitness Challenge (CFC) – Cabaran ketangkasan dan keupayaan Pasukan Khas Laut (PASKAL) turut terlaksana dalam siri eksekutis kali ini. Tiga disiplin dalam operasi khas maritim iaitu fizikal air, fizikal darat dan kemahiran menembak telah menjadi intipati dalam CFC ini. Ianya telah dijayakan oleh 42 peserta yang telah melalui enam elemen pertandingan yang berkesinambungan bermula dengan Kayuhan dan Renang Tempur, Perarakan Tempur dan Kompas Tempur dan berakhir dengan Menembak.

Pelbagai program lain yang mendukung kepada intipati fasa pelabuhan ini telah berlangsung. Taklimat Pra Pelayaran, dan Taklimat Utama Eksekutis antara yang utama dan menjadi tumpuan bagi kesemua warga tidak mengira tanpa mengira pangkat dan peranan. Berikutnya, kredibiliti dan keupayaan warga serta aset akan terus diuji dengan fasa *Force Integration Training* di sekitar Selat Melaka dan Laut China Selatan. Semoga komitmen jitu daripada kesemua peserta eksekutis akan membuahkan kejayaan bagi eksekutis siri ini.

EXECUTIVE TALK RMN CHIEF ENGINEER DI MPAT

PUTRAJAYA, 17 Ogos - Ketua Jurutera TLDM, Laksamana Muda Dato' Ir. Ts. Haji Mohd Shaiful Adli Chung telah menyampaikan ceramah kepada Peserta Kursus Pertahanan di Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) melibatkan 60 peserta di mana 10 adalah dari luar negara. Sepanjang sesi tersebut, mereka didedahkan dengan strategi serta inisiatif yang telah dilaksanakan oleh TLDM untuk mendokong keperluan operasi aset-aset di Armada.

Executive Talk ini merupakan jempunan MPAT kali ke-2 setelah sesi pertama pada tahun 2022 mendapat respon yang positif serta membina. Pihak TLDM amat menghargai jempunan tersebut memandangkan sejak tahun 1980-an, slot sedemikian adalah julung kali melibatkan Ketua Jurutera TLDM.

Sepanjang sesi hari ini, peserta kursus teruja dengan strategi, metodologi serta inisiatif yang sedang dan telah dilaksanakan oleh TLDM. Di antaranya in-house capability development and achievement, self-reliance strategy & initiatives, mid-life modernisation through obsolescence mitigation plan such as Obsolescence Programme (OP), Obsolescence Management (OM), Repowering, Re-Hull, Recombatting dan sebagainya.

Selain taklimat, peserta kursus turut diberi ruang untuk memajukan soalan serta bertukar pandangan terhadap strategi yang diutarakan. Hasil maklum balas dan input peserta, didapati sebahagian daripadanya boleh memperkayakan pelan yang sedang dirangka untuk kecemerlangan TLDM ke arah Angkatan Laut Yang Kredibel. Tahniah

kepada semua peserta kursus yang bertindak sebagai critical challenger terhadap strategi yang dikongsi.

Sumber : MkTL, Bahagian Kejuruteraan

Artikel : P/Kdr Meor Norulazmi bin Mat Salleh TLDM

Foto : Kpl Noor bin Ismail

HARI TERBUKA ARMADA BARAT 2022 PERKASA HUBUNGAN TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA (TLDM) DAN MASYARAKAT AWAM



LUMUT, 1 Jan - Markas Pemerintahan Armada Barat di Pangkalan TLDM Lumut telah selesai melaksanakan Hari Terbuka Armada 2022 (HTA 2022) dari 29 hingga 31 Disember 2022 dengan jayanya. Acara yang secara tradisinya dianjurkan bersempena dengan Hari Ulang Tahun TLDM pada 27 April setiap tahun, telah disambut dengan meriah setelah tidak dapat dilaksanakan selama tiga tahun berturut-turut berikutan Pandemik COVID-19 yang melanda.

Bertemakan “TLDM Siaga Kedaulatan Terpelihara – Kedaulatan Tanggungjawab Bersama”, objektif penganjuran HTA 2022 sebagai instrumen mengeratkan hubungan TLDM dengan masyarakat berjaya dicapai selain mempromosikan peranan agensi maritim negara serta TLDM dan Armada Barat khususnya dalam melindungi kedaulatan, integriti wilayah dan kepentingan maritim negara.

Pengunjung turut berpeluang untuk melawat kapal-kapal perang TLDM serta menyaksikan pelbagai demonstrasi melibatkan aset TLDM termasuklah demonstrasi bersama agensi-agensah sahabat iaitu Tentera Udara Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Pasukan Polis Marin. Ketiga-tiga agensi tersebut turut terlibat dengan pameran statik bersama-sama agensi keselamatan yang lain seperti Tentera Darat Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan BOMBA, Kastam dan Imigresen. Turut menjayakan acara ini adalah pameran daripada agensi kerajaan yang lain seperti Agensi Anti Dadah Kerajaan, Jabatan Penjara, Kementerian Kesihatan Malaysia, Lembaga Air Perak, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Perak

dan Majlis Perbandaran Manjung. Pameran turut melibatkan institusi kewangan seperti Bank Rakyat, Bank Islam, Affin Bank, CIMB dan Bank Muamalat serta badan-badan korporat seperti PERNAMA, Koperasi Tentera, Pertubuhan Amal Kita Kinta Perak, institusi pendidikan seperti UniKL (MIMET) dan Universiti Teknologi Petronas serta syarikat-syarikat swasta dari sektor hartanah, telekomunikasi dan automobil.

HTA 2022 juga mencatatkan sejarahnya yang tersendiri apabila Upacara Penganugerahan Lencana Sayap Penerbangan Kehormat dan Beret Kehormat PASKAL kepada Yang Berbahagia Panglima Tentera Laut turut dilaksanakan dan ditayangkan secara langsung kepada pengunjung. Penganugerahan ini sempena mengenang jasa Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany memperkasakan Cawangan Udara TLDM dan juga PASKAL sepanjang pemerintahan beliau.

HTA 2022 yang telah dirasmikan oleh Panglima Tentera Laut, Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany berjaya mencatatkan seramai 91,574 pengunjung. TLDM merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pengunjung serta agensi kerajaan, badan korporat dan syarikat swasta yang telah terlibat sama ada sewaktu demonstrasi atau pameran sepanjang HTA 2022 di atas sokongan dalam menjayakan serta memeriahkan sambutan pada kali ini.

**ISTIADAT PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN DAN
PINGAT SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KE-66
DYMM SERI PADUKA SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN**



KUALA KANGSAR, 11 Mac - Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran dan Pingat sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-66 DYMM Seri Paduka Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah telah berlangsung di Balairong Seri Istana Iskandariah, hari ini.

Lima warga TLDM antara penerima anugerah darjah kebesaran dalam istiadat berkenaan dengan didahului Marsyal Provos TLDM Kepten Roslee bin Mohamad Isa TLDM, dianugerahkan Darjah Paduka Cura Si Manja Kini (PCM). Seterusnya Darjah Paduka Mahkota Perak (PMP) dianugerahkan kepada Kepten Rozaini bin Abu Hassan TLDM, Darjah Ahli Cura Si Manja Kini (ACM) dianugerahkan kepada Komander Shamsuddin bin Saidina Abu Bakar TLDM, Darjah Ahli Mahkota Perak (AMP) dianugerahkan kepada Leftenan Komander Nazrul Shaharin bin Osman TLDM dan Pingat Pekerti Terpilih (PPT) dianugerahkan kepada PW I TMK Hakimi bin Hasnan.

Pada istiadat berkenaan, Sultan Nazrin berkenan menganugerahkan darjah kebesaran negeri kepada 181 penerima yang merupakan sebahagian daripada 212 penerima yang diumumkan pada 3 Nov 2022.

Penganugerahan hari ini melibatkan lima penerima PCM, PMP, ACM, AMP, PPT, Pingat Jasa Kebaktian dan Pingat Lama Perkhidmatan.

Tahniah diucapkan kepada semua penerima pingat.

KEJAYAAN OBSOLESCENCE PROGRAM (OP) KD PERKASA LAKAR SEJARAH TLDM



KEMAMAN, 9 Mei - OP KD PERKASA melakar sejarah sebagai program unik, pertama kali dilaksanakan di planet ini. Unik disebabkan aktiviti OP seolah-olah membuat sebuah kapal baharu mengguna kembali sebahagian kecil peralatan legasi.

Di atas keberhasilan projek ini, Panglima Logistik Barat Laksamana Pertama Ts. Shaiful Bahari bin Baharuddin telah menyempurnakan majlis penerimaan OP KD PERKASA di limbungan Geliga Shipyard Sdn Bhd. Majlis diserikan dengan kehadiran Setiausaha Bahagian (SUB) Kewangan KEMANTAH, Datuk Muhamad Zamani bin Mohd Ali dan SUB Pembangunan, Encik Mohd Radzuan bin Abdul Manaf.

Program ini merupakan inisiatif terkini cetusan idea warga Navy People iaitu kapal dilaksanakan projek senggaraan in-lieu kepada refit, tetapi melibatkan penukaran secara total badan kapal (re-hull), sistem kuasagerak, penjanaan tenaga elektrik, sistem distribusi elektrik, hotel services” serta konfigurasi semula General Arrangement (GA). Hanya peralatan yang tidak usang akan di salvage, diselenggara dan dipasang semula di hull yang baharu.

OP KD PERKASA ini boleh dianggap breakthrough, inovasi luar kotak yang berhasrat mengubah persepsi terhadap tatacara pelaksanaan selenggaraan berjadual kapal TLDM di limbungan. Ini kerana secara tradisinya, kapal akan menjalani selenggaraan berjadual refit apabila tiba rutinnya. Namun disebabkan 3 faktor utama iaitu best value for money, memastikan jangka hayat aset lebih panjang dan Belanja Mengurus (Operating Expenditure - OE) akan datang tidak membebankan Kerajaan, maka

pendekatan alternatif yakni OP telah dilancarkan. Selain KD PERKASA, OP melibatkan 2 lagi projek iaitu KD PERDANA dan KD GANYANG di mana projek ini sedang giat diteruskan.

Delegasi dari Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Ekonomi yang terlibat di peringkat awal OP turut hadir di majlis penerimaan. Delegasi tersebut amat terkesima dengan inisiatif warga Navy People. Ini disebabkan putik-putik Success Story 1 daripada 3 projek OP telah dicapai, walaupun menghadapi cabaran sepanjang pandemik Covid-19 selama 2 tahun, termasuk impak Shanghai lock-down semasa endamik yang telah menjejaskan rangkaian supply-chain.

Success Story OP KD PERKASA ini membuktikan bahawa:

1. Limbungan tempatan berkeupayaan penuh untuk membina kapal bersaiz kurang dari 80 meter tanpa perlu bantuan pihak luar negara, kecuali full-fledged sistem kombat.
2. Terdapat beberapa design-house tempatan yang mampu merekabentuk kapal dengan baik, khususnya kapal jenis non-combatant.
3. Rekabentuk in-house membolehkan lebih banyak produk pribumi (indigenous product) serta bahan tempatan yang type approved digunapakai, berbanding jika menggunakan rekabentuk limbungan luar negara yang dikesan menetapkan syarat yang ketat.
4. Kos perolehan tanpa sistem kombat bagi sebuah kapal berdasarkan rekabentuk rakyat Malaysia dan dibina oleh limbungan tempatan adalah lebih kompetitif iaitu lebih kurang:
 - 4.1 Satu pertiga (1/3) kos perolehan jika menggunakan rekabentuk luar negara, tetapi kapal dibina di Malaysia.
 - 4.2 Satu perempat (1/4) kos perolehan jika berdasarkan rekabentuk limbungan luar negara dan kapal dibina di premis mereka.
5. Peningkatan penglibatan pemain industri Bumiputera di projek ini.

Warga Navy People wajar berbangga dengan inisiatif terkini serta unik yang dihasilkan, di mana sebelum ini boleh dianggap a dream within a dream atau angan-angan Mat Jenin. Namun inisiatif tersebut yang berpaksikan mantra new way of doing things membuktikan angan-angan Mat Jenin boleh menjadi kenyataan sekiranya terdapat inovasi atau kreativiti, pushing-through with relentless effort serta komitmen yang tinggi oleh semua pihak yang terlibat.

Sehubungan itu, warga Navy People perlu terus berinovasi secara agresif untuk menghasilkan penambahbaikan berterusan demi memastikan TLDM lebih unggul, cemerlang, gemilang dan terbilang.

Sumber : Markas Tentera Laut, Bahagian Kejuruteraan, RMN Chief Engineer Office

Artikel : Laksamana Muda Dato Ir. Ts. Haji Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Lt Dya Shahrul Hakim bin Man Ghazali TLDM

KPSI UNGGULI PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT MARKAS TENTERA LAUT



KUALA LUMPUR, 25 Ogos - Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Markas Tentera Laut telah diadakan pada 24 Ogos 23 bertempat di KD SRI GOMBAK. Sebanyak 10 penyertaan dipertandingkan melibatkan 6 kumpulan dari Mk TL - KPSI dan 4 kumpulan dari Mk TL - JUTRA. Pertandingan KIK ini telah diadili oleh 3 panel terdiri daripada MOSTI, TDM dan TLDM.

Selaras dengan tema Hari Inovasi TLDM 2023, Inovasi Pemacu Kecemerlangan TLDM, Bahagian KPSI telah mengambil peluang ini dengan memberikan cetusan idea dalam penghasilan 6 buah projek seperti Tactical Communication (TACCOMM), Sistem Laporan Bulanan, Royal Malaysian Navy Smart Access and Base Surveillance System (RMN SmartXS), Mobile COMINT, Portal Rasmi PSSTLDM dan Sistem Maklumat Sumber Manusia Versi 2 (SMSM V2). Kesemua kumpulan telah menunjukkan komitmen yang tinggi dan impak positif dalam penghasilan projek yang dilaksanakan. Sejurus keputusan Pertandingan KIK diumumkan membuktikan idea yang diterjemahkan membuahkan hasil dengan kemenangan 5 daripada 6 projek yang terlibat seperti berikut:

- a. Royal Malaysian Navy Smart Access and Base Surveillance System (RMN SmartXS) (Johan Bidang Inovasi Sosial Kategori Penciptaan).
- b. Sistem Maklumat Sumber Manusia Versi 2 (SMSM V2) (Johan Bidang Inovasi Penyampaian Perkhidmatan Kategori Penambahbaikan).
- c. Portal Rasmi PSSTLDM (Naib Johan Bidang Inovasi Sosial Kategori Penciptaan).

- d. Tactical Communication (TACCOM) (Naib Johan Bidang Inovasi Penyampaian Perkhidmatan Kategori Penciptaan).
- e. Mobile COMINT (Tempat Ketiga Bidang Inovasi Penyampaian Perkhidmatan Kategori Penciptaan).

Seterusnya, kesemua projek yang menang akan dipertandingkan ke peringkat Anugerah Inovasi Tentera Laut (AITL) yang dirancang pada Mac 2024. Adalah diharapkan dengan cetusan idea dan penghasilan projek ini dapat memacukan kecemerlangan TLDM ke arah warga yang sentiasa berinovasi. Sedia Berkorban.

KURSUS DEFENCE SERVICES COMMAND AND STAFF COLLEGE (DSCSC) 2022, DI MIRPUR, DHAKA, BANGLADESH



Majlis Graduasi bersama Puan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi, Haznah Md Hashim

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Lt Kdr Ahmad Rizuan bin Hussin TLDM yang telah berjaya menamatkan kursus di Defence Services Command and Staff College (DSCSC), Bangladesh. Beliau bersama Mejar Zainul Ariffin bin Zainul Abidin dan Mejar Mohd Afian bin Abdullah TUDM merupakan wakil Angkatan Tentera Malaysia dalam kursus selama setahun ini yang melibatkan peserta dari 21 negara.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Bangladesh, Puan Yang Terutama Haznah Md Hashim, telah hadir ke Majlis Graduasi di DSCSC untuk meraikan ketiga-tiga pegawai ATM tersebut.

DSCSC merupakan salah satu institusi pengajian Angkatan Tentera Bangladesh yang terulung dan berprestij di Asia Selatan. Institusi ini telah ditubuhkan secara rasmi pada 30 Dis 77. Ianya terletak di Mirpur, 20 kilometer dari Pusat Bandar Dhaka dan berupaya menampung sehingga 264 peserta. DSCSC bekerjasama dengan *Bangladesh University of Professional* (BUP) dan menawarkan program Ijazah Sarjana Sains Sosial (in Securities Studies) kepada peserta yang lulus dan berkelayakan.

Sejak dari tahun 1982, ATM telah mula menghantar para pegawai dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan untuk Kursus DSCSC ini. Kursus ini bertujuan untuk melatih pegawai tentera dalam menunaikan tanggungjawab sebagai Pegawai Memerintah dengan menyemai pengetahuan profesional, kemahiran dan kecekapan yang diperlukan. Kursus bagi sesi 2022 melibatkan 250 pegawai yang terdiri daripada 204 Angkatan Tentera Bangladesh dan dari Pasukan Polis Bangladesh serta 46 peserta luar negara (21 negara).

Bagi sesi 2022 ini, keseluruhan 1737 waktu diolah mengikut pecahan modul Sarjana Sains Sosial merangkumi *national security studies, peace and conflict studies, strategic studies, leadership and management development, disaster management, international relationship and security affairs, operational planning and estimates, joint and interagency training, theories and concepts of warfare, logistics fundamental and planning, decision-making process* dan *MSS dissertation paper*. DSCSC juga melaksanakan sesi pembelajaran yang dinamik seperti mempraktikkan sesi perbincangan sindiket, penganjuran seminar dan simposium, *indoor exercise* di kampus dan *outdoor exercise* meliputi lawatan serta demonstrasi.

Sesuai dengan moto kolej iaitu '*Knowledge is Power*', DSCSC bukan sahaja memfokuskan kecemerlangan melalui program akademik, malahan DSCSC juga merapatkan ikatan persahabatan dengan kesemua peserta kursus dengan mempamerkan nilai budaya melalui pelbagai aktiviti sosial seperti *Ladies Club Enrichment Programme, Syndicate Social Evening, Wing Social Evening, International Day, International Night, Food Festival, DSCSC Social Evening* dan *Gala Night*.

KURSUS HRMIS DAN BPR SIRI 1-23



LUMUT, 2 Jun - Bahagian Sumber Manusia, Cawangan Dasar dan Pengurusan Sumber Manusia - BPR & HRMIS telah menganjurkan Kursus Pengguna Human Resource Management Information System (HRMIS) dan Kursus Tatacara Pengurusan Data Billet Pre-Requisite (BPR) Siri 1/2023 di Makmal CONUPUS, KD SULTAN IDRIS I, Pangkalan TLDM Lumut bermula 30 Mei sehingga 2 Jun.

Objektif kursus ini adalah memperkenalkan peserta kepada konsep, proses kerja dan fungsi-fungsi yang disediakan di dalam Sistem HRMIS. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk memberi pemahaman dan membimbing peserta dalam menggunakan modul serta proses-proses pengurusan sumber manusia di Sistem HRMIS.

Kursus ini juga turut memberi pendedahan dan pengetahuan berkenaan tatacara pengurusan data BPR serta format pelaporan yang berkaitan. Selain itu, latihan praktikal atau hands on penggunaan Sistem HRMIS oleh kesemua peserta juga telah dilaksanakan agar setiap peserta dapat lebih memahami tatacara penggunaan sistem tersebut.

Kursus ini diadakan khusus untuk pegawai dan anggota yang berperanan untuk mengendali dan mengemaskini data di dalam Sistem HRMIS ATM dan pelaporan BPR bagi Markas dan Unit TLDM. Seramai 20 peserta terdiri daripada 5 pegawai dan 15 anggota daripada Markas dan unit dibawah naungan yang berpangkalan di Pangkalan TLDM Lumut, Perak telah mengikuti kursus dan menamatkan kursus dengan jayanya.

Artikel : Lt Dya Sitti Nurfarrieza binti Titingan PSSTLDM

Foto : LK TNL Noor Azmi bin Ahmad

KURSUS PEGAWAI DAN PENYELIA INTEGRITI SIRI 1-23

LUMUT, 11 Mei - Bahagian Inspektorat Jeneral, Markas Tentera Laut (MkTL-BIJ) telah menganjurkan Kursus Pegawai dan Penyelia Integriti Siri 1/23 buat julung kali pada 9 hingga 11 Mei 23 di KD DUYONG. Seramai 19 pegawai dan anggota dari markas pemerintahan, markas formasi dan unit di Semenanjung Malaysia telah terlibat dalam kursus ini.

Fokus kursus adalah integriti dan rasuah, pelaksanaan Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR), Pelan Intervensi dan Pengukuhan Integriti (PIPI) dan Modul Pendidikan dan Latihan Integriti (MPLI) di organisasi serta Corruption Risk Management (CRM).

Sebahagian modul kursus telah disampaikan oleh penceramah jemputan daripada Unit Integriti KEMANTAH dan SPRM Perak. Kursus juga melibatkan ujian bertulis dan perbentangan kumpulan mengenai pengurusan risiko rasuah di organisasi.

Penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta di akhir kursus telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Laksamana Muda Mohd Fadzli Kamal bin Mohd Mohaldin, Inspektor Jeneral Tentera Laut yang disaksikan oleh Laksamana Pertama Shahrizan bin Hj Mahmud, Panglima Selam dan Peperangan Periuik Api.

Semoga kursus ini dapat memberi nilai tambah kepada para peserta mengenai integriti dan meningkatkan kemahiran mereka dalam melaksanakan serta memantau program integriti di tempat kerja.

Sumber : Mk TL, Bahagian Inspektorat Jeneral

Artikel : Kdr Ts. Muhammad Faliq Anwar bin Muhammad Fauzi TLDM

Foto : BK PRL Herdi bin Garampang

LASKARNITA TLDM PERTAMA YANG DIKTIRAF SEBAGAI JURUTEKNIK BERTAULIAH (Tc.)



Tahniah diucapkan kepada LK TNL Tc. Michelle Janta Anak Joefrazier yang telah diiktiraf sebagai Juruteknik Bertauliah (Tc.) oleh Malaysia Board of Technologist (MBOT) dan sekaligus melakar sejarah sebagai Laskarnita TLDM pertama yang memperolehi Juruteknik Bertauliah (Tc.) dalam bidang Transportation & Logistic Technology (TL) yang memiliki diploma serta masih dalam perkhidmatan mendapat pengiktirafan ini. Untuk Tc. pertama dalam bidang TL adalah LK TNL Tc. Muhammad Afifi Falihin bin Mohd Fuad.

Lebih membanggakan, atas inisiatif bersungguh-sungguh dalam meningkatkan nilai modal insan, LK TNL Tc. Michelle telah berjaya memperoleh Diploma dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) pada tahun 2022 dalam bidang Pengurusan Logistik.

LK TNL Tc. Michelle yang kini sedang berkhidmat di unit Depot Bekalan Armada Timur sebagai Staf Koordinasi Material berbangga kerana dapat menghabiskan tugas dan temuduga dengan jayanya sebelum beliau layak mendapat pengiktirafan ini.

Warga Navy People wajar menjadikan pencapaian LK TNL Tc. Michelle sebagai motivasi dan inspirasi untuk terus maju dalam karier bagi menjadikan TLDM lebih disegani. Disamping itu bagi mencapai hasrat ini, usaha menjadikan warga Navy People yang layak untuk mendapat pengiktirafan sedemikian sedang giat dilaksanakan.

Artikel : LK TNL Tc. Muhammad Afifi Falihin bin Mohd Fuad

Foto : LK TNL Tc. Michelle Janta Anak Joefrazier

LATIHAN KUASA TEMBAKAN 2023



GEMAS, 18 Jul - Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob hadir ke Latihan Kuasa Tembakan (LKT) Tahun 2023 di Lapang Sasar Asahan, Kem Syed Sirajuddin, Gemas. Latihan kali ini menerima penyertaan seramai 40 unit LKT yang telah bermula dari 8 Julai sehingga hari ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah berkenan mencemar duli menyaksikan LKT hari ini. Ketibaan Yang di-Pertuan Agong telah disambut oleh Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM bersama Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Datuk Seri Mohammad bin Ab Rahman. Turut mencemar duli, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Latihan ini diadakan untuk mempamerkan keupayaan melalui maneuver dan kuasa tembakan secara segmen dinamik yang merangkumi senjata Bantuan Infantri, Mekanize, Armor, Artileri, Pasukan Udara Tentera Darat serta pesawat udara TLDM dan TUDM dalam memperagakan keberkesanan sistem persenjataan ATM.

Seramai 2,660 pegawai dan anggota bersama 106 buah aset dan persenjataan melibatkan Kenderaan Perisai Pendekar PT-91M, AV8 Gempita, Lipan Bara, Adnan dan *Malaysian Infantry Fighting Vehicle* (MIFV) digunakan. Turut serta adalah pesawat Helicopter Super Lynx, AS555 Fennec serta MD530G dan Agusta bagi memberi tembakan bantuan dari udara.

Secara keseluruhan, latihan ini secara tidak langsung telah mempamerkan kredibiliti ATM dalam menggalas tugas utama iaitu bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara.

Turut hadir Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan; Pemangku Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia, Datuk Dr. Shahrizat Binti Haji Ahmad; barisan pengurusan tertinggi Kementerian Pertahanan dan ATM.

LAWATAN KESEDARAN KE PUSAT PEMULIHAN PENAGIHAN NARKOTIK (PUSPEN) DENGKIL



DENGKIL, 1 Ogos - Seramai 4 pegawai dan 37 anggota menyertai lawatan kesedaran ke Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Dengkil, Selangor anjuran Bahagian Provos Tentera Laut (PROTELA) Markas Tentera Laut diketuai oleh Kept Mohd Rahmat bin Abdul Rahman TLDM, Marsyal Provos Tentera Laut. Lawatan ini merupakan salah satu program aktiviti Pelan Tindakan Antidadah melibatkan Jawatankuasa Kecil Antidadah (JKKAD) peringkat Markas Tentera Laut.

Delegasi lawatan telah diberi taklimat khas oleh Pengarah PUSPEN, Puan Ruziliza binti Ibrahim tentang sejarah penubuhan, visi dan misi serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan di PUSPEN.

Tujuan inisiatif lawatan ini bagi memberi kesedaran kepada warga TLDM serta mengurangkan risiko penglibatan anggota agar tidak terjerumus di dalam gejala penyalahgunaan dadah. Lawatan ini disertai oleh pegawai dan bintara yang mampu untuk menyampaikan maklumat yang diperolehi kepada anggota-anggota lain agar ianya mampu memberi impak dan kebaikan bersama.

Lawatan ini sedikit sebanyak dapat memberi kesedaran tentang bahayanya najis dadah pada masyarakat kini serta kesan jika terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan dadah.

Acara diteruskan dengan sesi perkongsian oleh 8 orang klien PUSPEN kepada peserta lawatan. Usai perkongsian, peserta dibawa melawat ke sekitar kawasan pentadbiran dan tempat projek pertanian yang diusahakan oleh klien di PUSPEN.

Diharap, lawatan kesedaran seperti ini dapat diteruskan lagi di masa hadapan bagi memberi kesedaran kepada warga Navy People tentang bahayanya aktiviti penyalahgunaan dadah dan racun terkawal.

Sumber : Bahagian PROTELA, Markas Tentera Laut

Artikel : Bahagian PROTELA, Markas Tentera Laut

LAWATAN RASMI PANGLIMA TENTARA NASIONAL INDONESIA KE MALAYSIA



KUALA LUMPUR, 15 Mac - Panglima Tentara Nasional Indonesia (TNI), Yang Terhormat Laksamana TNI Yudo Margono memulakan lawatan rasminya ke Malaysia dengan Kunjungan Hormat beliau kepada Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj. Affendi bin Buang TUDM di Wisma Pertahanan, semalam.

Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Abdul Rahman bin Ayob bersama Jeneral Tan Sri Affendi serta Panglima-Panglima Perkhidmatan yang lain telah menyambut ketibaan Panglima Tentara Nasional Indonesia dan seterusnya diberikan penghormatan memeriksa Kawalan Kehormatan Utama (KKU) dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (1 RAMD) di Dataran Wisma Pertahanan. Laksamana TNI Yudo Margono kemudian diperkenalkan kepada Pegawai-pegawai Kanan ATM sebelum dibawa ke Ruang Perkasa bagi sesi Kunjungan Hormat Rasmi.

Kunjungan Hormat berkenaan turut menyaksikan kedua-dua Panglima Angkatan Tentera menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) bagi Eksesais Latihan Gabungan Bersama Malaysia Indonesia Darat Samudera Angkasa (LATGABMA MALINDO DARSASA) terutama aspek latihan menguji terma terkandung dalam Prosedur Tetap (PROTAP) 16 berkaitan Operasi Menangani Keganasan dan PROTAP 18 berkaitan Prosedur, Taktik dan Teknik Menangani Keganasan.

LATGABMA MALINDO DARSASA merupakan eksesais yang dilaksanakan 3 tahun sekali dan dianjurkan secara bergilir-gilir antara ATM dan TNI. Eksesais berkenaan bertujuan melatih *Combined Joint Task Force* (CJTF) yang dibentuk dalam

penyediaan menangani sebarang kemungkinan di kedua-dua buah negara di samping meningkatkan kerjasama, persefahaman dan profesionalisme antara kedua – dua ketumbukan ATM dan TNI beserta komponen bantuan.

LONJAKAN KESIAGAAN AGENDA LAWATAN KERJA MENTERI PERTAHANAN KE PANGKALAN TLDM LUMUT



LUMUT, 9 Jan – Menteri Pertahanan (MENHAN), Yang Berhormat (YB) Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan telah melaksanakan lawatan kerja ke Pangkalan TLDM Lumut pada 8 dan 9 Januari 2023.

Lawatan kerja ini telah membolehkan beliau melihat sendiri keupayaan dan kesiapsiagaan aset-aset TLDM. Dalam masa yang sama beliau turut dapat melihat kemudahan kediaman dan fasilitasi di pangkalan selain meluangkan masa menyantuni warganya.

Sebaik tiba di Pangkalan TLDM Lumut petang 8 Januari, beliau telah melawat KD LAKSAMANA TAN PUSMAH. Di sini beliau dapat melihat sendiri kondisi kapal yang telah berbakti selama lebih suku abad dalam mengawal dan melindungi kedaulatan perairan negara. Tidak dapat dinafikan bahawa keupayaan kapal-kapal yang berusia sepertinya sedang menerima kesan langsung akibat kelengkapan dan peralatan utama yang mengalami keusangan. Keadaan ini menjadi cabaran kepada TLDM dan perlu diberikan perhatian yang serius.

Pada 9 Januari, YB MENHAN telah meninjau perkembangan projek pembinaan kapal jenis Littoral Combat Ship (LCS) di Boustead Naval Shipyard yang telah lama tergendala. Kelewatan siap kapal-kapal LCS tersebut memberi impak yang besar kepada keupayaan Armada TLDM secara keseluruhannya, terutama dalam aspek peperangan maritim. Ternyata beliau amat memandang serius terhadap kemajuan projek ini dan mahu menentukan ia dapat disiapkan mengikut pelan mobilisasi yang telah diputuskan.

Prihatin dengan kebajikan warga angkatan tentera, YB MENHAN turut meluangkan masa untuk melawat blok-blok kediaman di pangkalan ini. Beliau telah dibawa melihat keadaan sebahagian daripada blok kediaman berusia lebih 40 tahun yang perlu dibaik pulih secara berperingkat demi keselesaan dan keselamatan penghuninya. Dalam pada itu, kesempatan itu turut digunakan untuk menyantuni keluarga warga pangkalan sambil menyampaikan sumbangan peralatan sekolah yang disediakan oleh Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Semoga menjadi penyuntik semangat buat anak-anak ini untuk belajar dengan lebih gigih lagi.

Seterusnya YB MENHAN telah berkunjung ke KD PANGLIMA GARANG, iaitu Pusat Latihan Pasukan Khas Laut (PASKAL). Beliau didedahkan dengan rejim latihan keras yang perlu dilalui oleh setiap anggota PASKAL dan melihat demonstrasi keupayaan pasukan elit tersebut serta menguji cuba senjata *sniper*.

Lawatan kerja YB MENHAN turut melibatkan demonstrasi di laut di mana beliau telah menaiki pesawat EC725 TUDM dan mendarat di KD LEKIU yang sedang belayar di laut bersama-sama dengan KD JEBAT, KD GAGAH SAMUDERA, KD LAKSAMANA HANG NADIM dan KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL. Beliau telah didedahkan dengan aspek peperangan maritim, situasi terkini keupayaan dan kesiapsiagaan Armada TLDM, dan menyaksikan demonstrasi penembakan meriam oleh kapal-kapal terlibat.

Kesediaan YB MENHAN untuk turun padang melihat sendiri dan mendalami pelbagai aspek keupayaan dan kesiapsiagaan Armada TLDM dan kebajikan warga di Pangkalan TLDM Lumut amat bermakna kepada seluruh *The Navy People*. Semoga ia menjadi pemangkin kepada usaha menyediakan sebuah angkatan laut yang siaga, berupaya dan ampuh dalam memelihara kedaulatan perairan tanahair yang tercinta ini.

MAJLIS MAKAN MALAM REJIMENTAL PPT KANAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA 2023



KUALA LUMPUR, 16 Mac – Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Abdul Rahman bin Ayob hadir ke Majlis Makan Malam Rejimental Pegawai Tidak Tauliah Kanan (PTTK) Angkatan Tentera Malaysia (ATM) 2023 yang telah disempurnakan oleh Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM bertempat di Hotel Royal Chulan, Kuala Lumpur, malam tadi.

Majlis penuh istiadat yang julung kali diadakan setelah 21 tahun itu telah dihadiri oleh 321 PTTK daripada ketiga-tiga perkhidmatan ATM.

Turut hadir ke majlis ini adalah Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM; Asisten Ketua Staf Sumber Manusia Tentera Darat Malaysia, Mej Jen Azhan bin Hj Md Othman mewakili Panglima Tentera Darat; Sarjan Mejar Rejimen ATM, PW I Hayazi bin Abdul Aziz; Pegawai Waran TUDM, PW U I Mohamad Lockman bin Abdul Jabar; Pegawai Waran TLDM, PW I TLS (AQM) Mohamad Noorfazli bin Ariffin dan SMR Istiadat Perkhidmatan.

Panglima Angkatan Tentera dalam ucapannya melahirkan rasa puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, Majlis Makan Malam Regimental PTTK ATM yang tertangguh hampir dua dekad ini berjaya dilaksanakan.

Menggelar PPT Kanan sebagai 'Tulang Belakang ATM', Panglima Angkatan Tentera serta kepimpinan tertinggi ATM menzahirkan rasa terima kasih kepada semua yang telah bertungkus lumus menjayakan majlis pada malam tersebut.

Mengakhiri ucapan, beliau menyeru agar semua warga ATM terus bersatu hati menggembeleng tenaga dan berusaha keras dalam memastikan segala perancangan yang telah dibuat dapat dilaksanakan dengan baik di dalam meneruskan kesinambungan kecemerlangan dan pencapaian ATM.

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT DAN SERAH TERIMA TUGAS PANGLIMA TENTERA LAUT



Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan menyempurnakan pemakaian pangkat Laksamana Datuk Abdul Rahman

KUALA LUMPUR, 27 Jan - Majlis pemakaian pangkat dan serah terima tugas Panglima Tentera Laut telah diadakan di Auditorium Wisma Pertahanan hari ini. Laksamana Madya Datuk Abdul Rahman bin Ayob telah dinaikkan ke pangkat Laksamana dan sekaligus dilantik sebagai Panglima Tentera Laut Ke-18 menggantikan Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany yang akan bersara.

Pelantikan Laksamana Datuk Abdul Rahman sebagai Panglima Tentera Laut telah menjadikan beliau sebagai pegawai *submariner* pertama yang memegang tampuk pemerintahan TLDM.

Majlis tersebut telah disempurnakan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Muez bin Abd Aziz. Turut hadir barisan pengurusan tertinggi Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Antara jawatan yang pernah dipegang sepanjang perkhidmatannya termasuk Komander Angkatan Kapal Selam, Timbalan Ketua Misi Tim Pemantau Antarabangsa

Mindanao Filipina, Panglima Wilayah Laut 2, dan Panglima Armada Timur dan Timbalan Panglima Tentera Laut pada 2019.

Kerjaya beliau sebagai seorang Submariner bermula pada tahun 1993 apabila memperolehi lencana kepakaran kapal selam setelah menamatkan latihan kapal selam di HMAS PLATYPUS, Australia. Laksamana Datuk Abdul Rahman seterusnya menjalani Latihan Pengenalan Kapal Selam di Sweden pada tahun 1995 dan di Perancis pada 1999 serta berjaya menamatkan Kursus Asas Kapal Selam Kelas AGOSTA pada tahun 2006 di Perancis.

Dalam bidang sukan, Laksamana Datuk Abdul Rahman aktif dalam sukan tenis dan golf. Beliau telah mewakili TLDM dalam Sukan Antara Perkhidmatan pada tahun 2022 dan pasukan tenis TLDM muncul juara pada kejohanan tersebut.

TLDM mengucapkan penghargaan kepada Laksamana Tan Sri Mohd Reza sepanjang perkhidmatan beliau selama 42 tahun, terutamanya ketika memegang jawatan Panglima Tentera Laut sejak 30 November 2018. Laksamana Tan Sri Mohd Reza telah meneruskan usaha memodenkan armada TLDM walaupun menempuh pelbagai cabaran, lebih-lebih lagi apabila negara terkesan dengan pandemik COVID-19.

Namun, Laksamana Tan Sri Mohd Reza dan pihak pengurusan tertinggi TLDM dan ATM cekat mencari penyelesaian agar tahap kesiapsiagaan TLDM terus berada di tahap yang optimum dan berupaya untuk menggalas amanah mempertahankan kedaulatan maritim Malaysia.

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT WARGA MARKAS LOGISTIK BARAT DAN UNIT-UNIT BAWAH NAUNGAN



LUMUT, 9 Mac – YBhg Kepten Ahmad Lahmi bin Abdullah TLDM, selaku Ketua Staf Logistik Barat telah menyempurnakan Majlis Pemakaian Pangkat mewakili Panglima Logistik Barat ke atas warga anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Markas dan Unit Bawah Naungan (UBN).

Majlis turut dihadiri oleh Pegawai-Pegawai Memerintah bagi anggota yang terlibat dan Pegawai Kanan Markas. Upacara pemakaian pangkat telah diadakan di Anjung Seri, Markas Logistik Barat.

Ketua Staf mengucapkan syabas dan tahniah kepada 67 anggota yang telah dinaikkan pangkat dari pelbagai peringkat terdiri daripada PW I dan PW II, Bintara Kanan, Bintara Muda serta Laskar Kanan. Ketua Staf turut menyatakan bahawa anugerah dan kenaikan pangkat ini juga merupakan hasil titik peluh serta usaha setiap individu dalam memastikan prestasi kerja adalah memenuhi tahap yang diperlukan perkhidmatan. Beliau juga menyeru agar dengan pemberian ini ianya akan menaikkan moral dan menyuntik semangat anggota untuk terus berkhidmat dengan cemerlang serta menyumbang ke arah pembangunan TLDM.

Unit-unit yang terlibat bagi Majlis Pemakaian Pangkat ini terdiri dari warga Markas Logistik Barat, Depot Bekalan Armada Barat, Depot Senggara Armada Barat, Depot Peluru dan Bahan Letupan Barat, Depot Bantuan Barat, Unit Pengawasan Senggaraan TLDM, Depot Kenderaan TLDM, MTL - FIC serta kapal di limbungan iaitu KD TERENGGANU, KD KASTURI, KD LAKSAMANA MUHAMMAD AMIN dan KD LEDANG.

Syabas dan Tahniah diucapkan! Sedia Berkorban.

MAJLIS PENUTUP KURSUS ASAS PASKAL SIRI 72-23**Panglima Armada Barat menyempurnakan pemakaian beret ungu PASKAL**

LUMUT, 8 Jul - Majlis Penutup Kursus Asas PASKAL Siri 72/23 telah disempurnakan oleh Panglima Armada Barat YBhg Laksamana Madya Datuk Abu Bakar bin Md Ajis diiringi oleh Panglima Pasukan Khas Laut Laksamana Pertama Dato' Hj Mohd Redzuan bin Hj Talib. Panglima Armada Barat telah diberi penghormatan untuk menyempurnakan pemakaian beret ungu PASKAL kepada penuntut kursus yang berjaya menamatkan latihan tersebut.

Penghormatan ini sejajar dengan usaha dan pahit getir yang dilalui 16 orang peserta dalam mengharungi segala ujian demi menjadi salah seorang anggota pasukan elit yang terbaik dan menjadi kebanggaan TLDM.

Kursus Asas PASKAL siri 72/23 telah dimulakan pada 26 Mac 23 dengan penyertaan 70 anggota yang terdiri daripada 4 pegawai dan 66 anggota LLP. Setelah melalui 5 peringkat tahap latihan, diakhir kursus hanya 16 orang anggota sahaja yang terdiri daripada 1 pegawai dan 15 LLP telah berjaya melepasi kursus ini. Senario ini membuktikan PASKAL adalah sebuah pasukan yang mengutamakan kualiti dalam memastikan warga baharu PASKAL adalah benar-benar layak untuk bergelar seorang anggota PASKAL sesuai dengan cogan kata, "Sentiasa Yang Terbaik". Tahniah dan Syabas diucapkan.

MAJLIS PERASMIAN DAN PENAMAAN PANGKALAN TLDM JOHOR BAHRU OLEH DYMM SULTAN JOHOR



SUNGAI LUNCHOO, 27 Sep - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Ibrahim Ibn Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim pada hari ini telah berkenan mencemar duli ke Majlis Perasmian dan Penamaan Pangkalan TLDM Johor Bahru di Markas Pemerintahan Pasukan Simpanan TLDM, Bandar Baru Permas Jaya, Masai, Johor.

Baginda menerima Tabik Hormat Diraja dan memeriksa Kawalan Kehormatan Utama dari KD MALAYA yang terdiri daripada 3 pegawai dan 103 anggota yang diketuai oleh Lt Kdr Norman bin Ahmad Shaip TLDM

DYMM Sultan Johor telah dipersembahkan dengan gimik perasmian melibatkan aksi penerjunan anggota Pasukan Khas Laut KD PANGLIMA HITAM secara fast-roping dari pesawat Helikopter Operasi Maritim TLDM. Baginda turut berkenan menandatangani *plaque* perasmian dan penamaan Pangkalan TLDM Johor Bahru.

Turut berangkat ke upacara hari ini adalah Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibn Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor dan Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Al-Haj Ibn Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor.

Turut hadir, Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor; Yang Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Pertahanan; Jeneral Tan Sri Datuk Seri Mohammad bin Ab Rahman, Panglima Angkatan Tentera dan Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob, Panglima Tentera Laut.

MAJLIS PERUTUSAN ULUNG PANGLIMA TENTERA LAUT

KUALA LUMPUR, 30 Jan - Laksamana Datuk Abdul Rahman bin Ayob telah memulakan tugas sebagai Panglima Tentera Laut ke-18 dan menyampaikan perutusan ulung beliau di Auditorium Wisma Pertahanan hari ini.

Seramai 350 warga *Navy People* sekitar Lembah Klang telah menghadiri majlis tersebut yang juga disiarkan secara langsung ke semua markas formasi Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang lain.

Turut hadir ke majlis tersebut adalah Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Sabri bin Zali, Panglima Armada Barat, Laksamana Madya Dato' Abu Bakar bin Md Ajis, Panglima Armada Timur, Laksamana Madya Dato' Pahlawan Hj Muhammad Ruzelme bin Hj Ahmad Fahimy dan Presiden Pusat Pengajian Pertahanan Nasional (PUSPAHANAS), Laksamana Madya Dato' Zulhelmy bin Ithnain.

Laksamana Datuk Abdul Rahman telah mengambil alih jawatan sebagai Panglima Tentera Laut ke-18 pada 27 Januari daripada Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany. Terdahulu, Laksamana Datuk Abdul Rahman telah menerima kawalan kehormatan utama dengan kekuatan 105 pegawai dan anggota yang diketuai oleh Leftenan Komander Norman bin Ahmad Shaip TLDM. Beliau kemudian mengimbas pas keselamatan sebagai simbolik memulakan tugas.

MENGGAPAI LANGIT DI LONGTITUD 109



Sentuhan ulung. TANOM mendarat di CUT

KOTA KINABALU, 20 Jan – ‘Adat periuk berkerak, adat lesung berdedak.’ Melaksanakan operasi penerbangan dari Stesen Udara Kota Kinabalu (SUKK) yang berpangkalan di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu (PTKK) Teluk Sepangar Sabah ke Pangkalan TLDM Lumut Perak bukanlah sesuatu yang mudah. Ia memerlukan perancangan yang teliti baik daripada segi persiapan pesawat, laluan navigasi atau pandu arah, analisis bentuk muka bumi dan keadaan cuaca di setiap tempat yang dilalui serta persiapan mental kru udara sendiri sebelum menerbangkan pesawat. Persiapan yang dilakukan ini tidak boleh seperti ‘agak lebih daripada agih,’ maklumat-maklumat di atas perlu dikumpul dari banyak sumber sebelum rumusan dan kesimpulan terbaik diterbitkan.

Merentas udara sejauh 2500 batu nautika dengan jumlah penerbangan selama 9 jam 10 minit dari negeri Sabah menuju ke Sarawak dan seterusnya melewati Laut China Selatan (LCS) untuk ke Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Kuala Lumpur dan mendarat di Markas Udara TLDM di Pangkalan TLDM Lumut Perak merupakan tugas yang julung kali dilaksanakan serta pengalaman pertama bagi kru udara TLDM yang menerbangkan pesawat Helikopter Operasi Maritim (HOM) AW 139.

Sebelum ini, aset-aset udara TLDM termasuklah helikopter Super Lynx Mk 100 dan AS 555 SN Fennec akan mendarat di geladak penerbangan kapal-kapal perang TLDM terlebih dahulu dan mengikuti pelayaran bersama kapal tersebut dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak atau sebaliknya. Namun, bagi HOM AW 139 pesawat ini mampu melaksanakan navigasi jarak jauh merentasi garisan longitude 109 di LCS iaitu garisan menegak di peta yang membahagikan Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Kru Udara TLDM yang pertama merentasi langit di garisan longitude 109 dengan menerbangkan pesawat tanpa perlu mendarat di kapal-kapal perang TLDM ini terdiri daripada dua orang juruterbang, seorang Pegawai Taktikal Udara, seorang Kuatermaster Udara dan dua orang juruteknik pesawat berkepakaran mekanikal dan avionik diketuai Komander Hairul Afikin bin Tukimin TLDM Pegawai Memerintah Skuadron 503 yang menerbangkan HOM AW 139. Pesawat ini dijangka akan menyertai armada helikopter TLDM di Lumut, Perak dalam acara pengunduran Panglima Tentera Laut (PTL) yang diadakan di Markas Pemerintahan Armada Barat (MPA Barat).

Antara acara yang dirancang melibatkan pesawat termasuklah penerbangan lintas hormat semasa perbarisan pengunduran PTL dan semasa *Fleet Review*.

Artikel: Lt Kdr Ahmad Fitri bin Alias TLDM, Juruterbang Operasi Skuadron 503
Foto : PW I AQM Sahardi bin Mohd Sayuti

PEMAKAIAN LENCANA (INSIGNIA) JURUTERA PROFESIONAL DAN TEKNOLOGIS PROFESIONAL



KUALA LUMPUR, 3 Apr – Asisten Ketua Staf Kejuruteraan, YBhg Laksamana Muda Dato' Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah menyempurnakan pemakaian lencana Ir. (Jurutera Profesional) dan Ts. (Teknologis Profesional) yang telah diadakan pada 29 Mac yang lalu.

Seramai dua orang pegawai menerima gelaran Ir. (Jurutera Profesional) iaitu Kept Ir. Ts. Abd Razak bin Ahmad TLDM dan Lt Ir. Muhammad Aidhil bin Samsuddin TLDM dan dua orang pegawai menerima lencana Ts. (Teknologis Profesional) iaitu Kdr Ts. Khairul Mizam bin Yusof TLDM dan Kdr Ts. Mohd Sabri bin Ahmad TLDM.

Sejak lencana ini diperkenalkan pada tahun 2006, hampir 39 Pegawai TLDM telah menerima pengiktirafan Ir. (Jurutera Profesional) manakala seramai 101 Pegawai TLDM telah menerima pengiktirafan Ts. (Teknologis Profesional) ini.

Tahniah diucapkan kepada pegawai yang menerima gelaran tersebut. Semoga ianya memberikan semangat kepada semua warga untuk lebih cemerlang dalam bidang masing – masing.

Sedia berkorban.

PEMAKAIAN PANGKAT PEGAWAI TLDM DAN PEGAWAI PSSTLDM

KUALA LUMPUR, 13 Mac - Seramai dua pegawai kanan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah dinaikkan ke pangkat Pemangku Laksamana Pertama (P/Laksamana Pertama) dan tiga pegawai Pasukan Simpanan Sukarela TLDM (PSSTLDM) telah dinaikkan ke pangkat Leftenan Madya PSSTLDM dalam Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai TLDM dan Pegawai PSSTLDM yang disempurnakan oleh Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Abdul Rahman bin Ayob di Kapal Diraja (KD) SRI GOMBAK, hari ini.

Mereka yang dinaikkan pangkat ke P/Laksamana Pertama adalah Mantan Timbalan Inspektor Jeneral TLDM, Kepten Jamsari bin Tahir TLDM dan Timbalan Inspektor Jeneral TLDM, Kepten Ee Chee Kiong TLDM. Manakala tiga orang yang dinaikkan ke pangkat Leftenan Madya PSSTLDM ialah Lt Muda PSSTLDM Siti Nurfarrieza binti Titingan, Lt Muda PSSTLDM Hasnaa Zakiah binti Jamal Abdul Nasir dan Lt Muda PSSTLDM Izlyn Shafika binti Zavery PSSTLDM.

Majlis pemakaian pangkat tersebut turut dihadiri oleh barisan pengurusan tertinggi TLDM dan juga warga *Navy People* di Lembah Klang.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka yang dinaikkan pangkat. Semoga terus cemerlang sepanjang perkhidmatan.

PENGADIL FUTSAL WANITA PERTAMA MALAYSIA KENDALI FINAL KEJUARAAN FUTSAL KELAB AFF 2023



Laskar Kanan JJM Nurul Atikah binti Janah @ Zainal yang kini berkhidmat di Bahagian Sumber Manusia, Markas Tentera Laut telah melakar sejarah tersendiri apabila telah terpilih pengadil perlawanan mengendalikan Final Kejuaraan Futsal Kelab AFF 2023 di antara kelab Thailand, Hongyen Thakam dan kelab Indonesia, Black Steel FC di Terminal 21 Korat, Thailand pada 7 Mei 2023.

Laskar Kanan Atikah adalah seorang atlet tenis yang masih aktif mewakili TLDM dan ATM, mula berjinak dalam bidang pengadilan bola sepak pada tahun 2017 sebagai pengadil kebangsaan Kelas 3 dan pada tahun 2021 telah memulakan karier sebagai Pengadil Bola Sepak Kebangsaan Kelas 1. Beliau adalah satu-satunya pengadil wanita yang mengadili perlawanan Liga Futsal Premier Malaysia (MPFL) 2022 bagi kategori Lelaki dan Wanita dan juga merupakan antara 20 pengadil terbaik yang mengadili Piala Malaysia Futsal 2022.

“Pengalaman sebagai pengadil bukan mudah, saya perlu bersedia dari segi mental dan fizikal dengan tahap kecergasan di tahap terbaik. Undang-undang permainan juga perlu dikemaskini sebilang masa,” ujar Laskar Kanan Atikah.

Di sebalik kejayaan mengharumkan nama TLDM di persada antarabangsa, Laskar Kanan Atikah tidak pernah mengabaikan tanggungjawab dan tugas hakiki sebagai staf Jasmani. Bagi beliau, sukan bukan penghalang untuk bekerja selagi tahu bagaimana cara menguruskan dan berkomunikasi dengan baik dengan Pegawai serta rakan sekerja.

PENGURUSAN SISA PEPEJAL DI PANGKALAN TLDM - INISIATIF KEARAH ZERO WASTE



SHAH ALAM, 20 Jun - Ketua Jurutera TLDM serta delegasi dari Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE - Science Technology Research Institute for Defence), Kementerian Pertahanan hari ini melaksanakan tinjauan teknologi bagi mengenal pasti mekanisme terbaik pelupusan sisa pepejal secara efektif, efisien serta mesra alam. Inisiatif awal ini adalah selaras dengan Green Navy Plan 2018 – 2030, di mana salah satu elemen hijau ialah kecekapan menguruskan sisa pepejal di Pangkalan TLDM serta kapal.

Berdasarkan hasil tinjauan teknologi, buat masa ini didapati pelupusan sisa pepejal kategori bukan bahan recycle melalui proses plasma-pirolisis (sisa dilupus oleh jana haba yang tinggi tanpa pembakaran yakni non-incinerator) adalah breakthrough di dalam pengurusan sisa pepejal di Malaysia secara lestari dan terkawal. Teknologi terkini ini merupakan hasil cipta anak tempatan dan telah dipaten di beberapa buah negara termasuk di Malaysia. Disebabkan tiada proses pembakaran bagi pelupusan sisa, mesin ini akan transform pepejal seperti sampah, makanan dan sebagainya menjadi abu yang tidak berbahaya. Malah abu tersebut setelah diolah boleh dijadikan baja atau untuk kegunaan tertentu di sektor pembinaan. Justeru mesin pelupusan sisa pepejal berteknologi plasma-pirolisis tersebut telah mendapat status MyHijau dari Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2018, mesin berteknologi baharu tersebut telah digunakan di Australia, China, Afrika Selatan, India, Asia Tenggara serta lebih 10 negara di peringkat global. Berdasarkan teknologi digunapakai di peringkat dunia, pihak TLDM merancang menempatkan mesin plasma-pirolisis bagi mengurus sisa pepejal di Stesen Luar Pantai yang terletak amat jauh dari daratan pada tahun 2024 menggunakan tenaga solar. Bagi Pangkalan TLDM pula, pangkalan terpilih akan dilengkapi dengan mesin ini secara berperingkat dengan sasaran Zero Waste sisa pepejal.

Sungguhpun hasrat menggunakan mesin plasma-pirolisis bagi pengurusan sisa secara cekap masih di peringkat perancangan, diyakini new way of doing things tersebut akan memberi return on investment yang baik dalam aspek peningkatan kesejahteraan warga TLDM, mesra alam serta sejajar dengan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. Justeru warga Navy People wajar seiring dengan inisiatif awal ini, semoga ianya menjadi success story berkaitan pengurusan sisa pepejal di dalam TLDM sebelum tahun 2026.

Sumber : Markas Tentera Laut, Bahagian Kejuruteraan

Artikel : Laksamana Muda Dato' Ir. Ts. Hj Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Lt Dya Muhammad Ikmal bin Mohd Saed TLDM

PERBARISAN SKUADRON KAPAL MISI PESISIR (LMS) KE-11 TAMPIL KESEPADUAN



KOTA KINABALU, 6 Jan – Perbarisan Pegawai Kanan Skuadron Kapal Misi Pesisir (LMS) Ke-11 yang mengumpulkan keseluruhan warga LMS telah dilaksanakan di Tambatan Pangkalan Kota Kinabalu. Perbarisan ini merupakan acara yang julung kalinya dilaksanakan selepas 4 buah LMS iaitu KD KERIS (111), KD SUNDANG (112), KD BADIK (113) dan KD RENCONG (114) ditauliahkan ke dalam perkhidmatan Tentera Laut Diraja Malaysia.

Perbarisan yang terdiri daripada lima platoon ini telah dipimpin oleh Lt Kdr Ts. Mohd Zaini bin Mohd Yusop TLDM sebagai Pegawai Perbarisan manakala PW I TLR Norhafisam bin Ahmad sebagai Pegawai Waran Perbarisan. Ia turut disertai oleh seramai 188 yang terdiri daripada 28 Pegawai dan 160 Anggota Lain-lain Pangkat. Perbarisan pada hari ini turut diiringi dengan alunan muzik daripada Pasukan Pancaragam TLDM Timur.

Dalam perbarisan ini, Pegawai Kanan Skuadron iaitu Kdr Khairil bin Sarian TLDM turut menyempurnakan penyampaian cenderahati bagi Anugerah Bintang dan Laskar Kreatif dan Inovatif Suku Tahun Keempat Tahun 2022 bagi setiap kapal. Beliau turut menyampaikan anugerah kepada Calon Akhir Bintang Terbaik TLDM 2021 dan BADIK Idol Suku Tahun Keempat Tahun 2022.

Senarai penerima adalah seperti berikut:

Calon Akhir BINTARA TERBAIK TLDM 2021

PW I PRL Jayasilan A/L Paniselvam

KD SUNDANG

Bintara Kualiti Suku Tahun Keempat

PW I TLR Mohd Fadzly bin Mohd Eddie

Laskar Kualiti Suku Tahun Keempat

LK KOM Mohamad Safwan bin A. Bakar

KD KERIS

Bintara Terbaik Suku Tahun Keempat

PW II TMK Suzaki bin Salihan

Laskar Terbaik Suku Tahun Keempat

LK PNK Muhammad Shaharul Nizam bin Mohamad Nasir

KD BADIK

Bintara Terbaik Suku Tahun Keempat

BM TLS Muhamad Hafiiz bin Isa

Laskar Terbaik Suku Tahun Keempat

P/LK PWP Loppson Ak Leong

Badik Idol Suku Tahun Keempat

LK I JTP (H) Muhammad Faez Ismail bin Mohd Faidzol

KD RENCONG

Bintara Terbaik Suku Tahun Keempat

BK TNL Muhamat Aris bin Ibrahim

Laskar Terbaik Suku Tahun Keempat

LK PBS Joseph Kudi Anak Sawang

Menerusi ucapan beliau, pencapaian dan prestasi yang dipamerkan oleh kesemua warga Skadron LMS Ke-11 dengan penglibatan aktif dalam pelbagai eksesais sepanjang tahun 2022 seperti Eksesais KERISMAS 27/22, OSTEX EAST Siri 1-3/22, Thursday War dan BORNEO War wajar dikekalkan malah dipertingkatkan. Beliau juga turut mengingatkan warga untuk terus bersiapsiaga pada sebarang masa dan sentiasa mengoperasikan kapal dalam keadaan terbaik dan selamat.

Acara diakhiri dengan sesi bergambar bagi kesemua warga Skadron LMS Ke-11 yang terlibat dalam menjayakan perbarisan pagi ini.

PROGRAM PENGHARGAAN PANGLIMA TENTERA LAUT KE-17

LUMUT, 26 Januari – Program Penghargaan Panglima Tentera Laut (PTL) bagi meraikan Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany telah berlangsung di Pangkalan TLDM Lumut dari 24 hingga 26 Januari 2023. Program ini disusun rapi bagi menzahirkan penghargaan The Navy People ke atas jasa bakti beliau yang telah menerajui TLDM selama empat tahun dua bulan sebagai Panglima Tentera Laut yang ke-17.

Ketibaan beliau bersama isteri, Puan Sri Dato' Indera Maslina binti Ismail di Pangkalan TLDM Lumut pada 24 Januari telah disambut dengan demonstrasi keupayaan Armada TLDM yang melaksanakan Mini Operational Sea Training Exercise (OSTEX) di perairan Selat Melaka. Demonstrasi ini amat relevan kerana sepanjang menerajui TLDM, beliau memberi tumpuan khusus terhadap usaha memulihkan keupayaan Armada TLDM tatkala aset-asetnya dibelenggu dengan isu keusangan.

Sepanjang empat tahun menerajui TLDM, beberapa perolehan aset baharu telah berjaya direalisasikan termasuk 4 buah kapal Littoral Mission Ship (LMS), 6 buah Fast Combat Boat (FCB), 3 buah Helikopter Operasi Maritim (HOM) jenis AW139 dan 18 buah Unmanned Aerial System (UAS). Selain itu, beliau turut memperkenalkan konsep pemulihan keupayaan kapal-kapal secara Repowering dan Obsolescence Programme, serta pendekatan SMART Refit yang bertujuan untuk memendekkan tempoh baik pulih kapal di limbungan.

Pada pagi 25 Januari, beliau telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Laksamana (JLAKS) Khas yang dihadiri oleh semua ahli JLAKS. Di sebelah petangnya pula, beliau telah diberi penghormatan untuk merasmikan Menara Hunter 1894 di Lapang Sasar Abdul Samad, yang dibina khusus untuk melatih anggota penembak senyap (*sniper*) PASKAL. Menariknya, pembinaan menara ini adalah cetusan idea Laksamana Tan Sri Mohd Reza sendiri yang sememangnya meminati sukan menembak. Beliau turut beraksi mempamerkan kehebatannya menembak sasaran sejauh 600 meter dengan tepat. Di sebelah malamnya, Majlis Makan Beradat telah diadakan di Wisma Samudera, yang dilaksanakan dengan penuh istiadat dan tradisi tentera laut.

Bak kata pujangga, di sebalik kejayaan dan pencapaiannya, ada seorang wanita hebat yang menyokong beliau iaitu Puan Sri Dato' Indera Maslina binti Ismail. Beliau yang juga Pengerusi Jemaah Tertinggi Badan Kebajikan Angkatan Tentera TLDM (BAKAT Laut) turut sama diraikan. Beliau juga telah berkesempatan mempengerusikan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi BAKAT Laut buat kali terakhir. Prihatin dengan kebajikan warga TLDM, beliau telah meluangkan masa untuk melawat wad pesakit di 96 Hospital Angkatan Tentera, Lumut dan menyampaikan sumbangan. Kesempatan ini turut digunakan oleh ahli BAKAT Laut di Lumut untuk menzahirkan penghargaan mereka kepada Puan Sri Maslina melalui majlis ramah mesra yang telah diadakan di Pusat Pembangunan Wanita. Semoga jasa dan bakti beliau akan terus tersemat di sanubari warga dan keluarga The Navy People.

Pada 26 Januari, Istiadat Perbarisan Penghargaan PTL telah berlangsung di Padang Kawad KD PELANDOK yang disertai seramai 26 pegawai dan 538 anggota, membentuk lapan kontinjen dan dua divisyen, diketuai oleh Komander Mohd Lokman bin Baijuri TLDM, Pegawai Memerintah KD LAKSAMANA MUHAMMAD AMIN serta diiringi oleh Pancaragam Pusat TLDM dan KD PELANDOK. Ketibaan Laksamana Tan Sri Mohd Reza bersama Puan Sri Maslina telah disambut dengan tabik hormat yang turut diiringi oleh terbang lintas hormat oleh sembilan buah pesawat TLDM jenis Fennec, Super Lynx dan AW139 yang diketuai oleh Lt Kdr Mohd Nazrin bin Shahari TLDM. Bagi mengabadikan episod bersejarah ini, The Navy People yang menyertai perbarisan telah disusun membentuk tulisan VMT CN-17 (Very Many Thanks 17th Chief of Navy) sebagai tanda penghargaan kepada beliau.

Usai perbarisan, Laksamana Tan Sri Mohd Reza telah berpeluang beramah mesra bersama warga Pangkalan TLDM Lumut di Auditorium M. Sidek Shahbuddin. Ia diikuti dengan acara Street Lining yang disertai lebih 1600 orang warga Pangkalan TLDM Lumut termasuk kakitangan awam, bagi mengucapkan terima kasih dan penghargaan mereka kepada Tan Sri Mohd Reza dan Puan Sri Maslina atas jasa bakti dan sumbangan mereka berdua sepanjang menerajui TLDM.

Program Penghargaan PTL ini diakhiri dengan istiadat Perbarisan Armada (Fleet Review) yang diadakan di perairan Pulau Pangkor, Lumut. Pemilihan KD LEKIU sebagai kapal pemeriksa (*reviewing ship*) adalah sangat bertepatan kerana Tan Sri

Mohd Reza pernah bertugas sebagai Pegawai Memerintah kapal ini dari 23 Mei 2002 hingga 31 Mei 2003. Perbarisan Armada ini telah disertai oleh 15 buah kapal, 5 buah Fast Combat Boat (FCB), 15 buah Rigid-Hulled Inflatable Boat (RHIB) dan 8 pesawat helikopter.

Sebaik berlepas dari KD LEKIU dengan pesawat HOM, Laksamana Tan Sri Mohd Reza telah terbang melintasi Pangkalan TLDM Lumut, dan menyaksikan formasi FWFS CN-17 (Fair Winds & Following Seas; 17th Chief of Navy) yang dibentuk oleh The Navy People di Stadium TLDM sebagai tanda ucap selamat buat beliau yang akan bersara.

Berdayung sampan ke hujung tanjung

Hendak membeli tikarlah rotan

Budi dikenang bakti disanjung

Kekal subur dalam ingatan

Fair Winds & Following Seas

Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany & Puan Sri Dato' Indera Maslina binti Ismail

Terima Kasih & Selamat Bersara

SERAH TERIMA TUGAS TIMBALAN PANGLIMA TENTERA LAUT

KUALA LUMPUR, 27 Jan - Laksamana Madya Datuk Sabri bin Zali secara rasmi mengambil alih tugas sebagai Timbalan Panglima Tentera Laut daripada Laksamana Madya Datuk Abdul Rahman bin Ayob pagi tadi.

Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany telah menyaksikan serah terima tugas Timbalan Panglima Tentera Laut tersebut bersama ahli Jawatankuasa Laksamana Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan warga *Navy People* sekitar Lembah Klang dalam majlis yang diadakan di KD SRI GOMBAK.

Laksamana Madya Datuk Sabri sebelum ini telah memegang jawatan Panglima Armada Timur sejak 24 Disember 2020. Beliau dilahirkan pada 4 Mac 1967 di Rawang, Selangor dan telah berkhidmat lebih 38 tahun. Laksamana Madya Datuk Sabri telah memasuki TLDM sebagai Pegawai Kadet pada 15 Disember 1984 dan telah dipilih untuk menjalani kursus *Midshipman* Antarabangsa di Jerman Barat selama tiga tahun sehingga Disember 1987. Beliau telah ditauliahkan pada 21 Disember 1987 setelah kembali dari Jerman.

Antara jawatan penting yang pernah disandang beliau adalah Pegawai Memerintah KD JEBAT merangkap Pegawai Kanan Armada, Asisten Ketua Staf Sumber Manusia di Markas Tentera Laut, Komandan Maktab Pertahanan Angkatan Tentera dan Panglima Wilayah Laut 2.

Terlebih dahulu, Panglima Tentera Laut telah menyempurnakan pemakaian pangkat Pegawai Kanan TLDM dan Pegawai Kehormat PSSTLDM. Panglima Armada Timur, Laksamana Muda Dato' Pahlawan Hj Muhammad Ruzelme bin Hj Ahmad Fahimy

telah dinaikkan pangkat ke Laksamana Madya manakala Asisten Ketua Staf Sumber Manusia Markas Tentera Laut, Laksamana Pertama Baharudin bin Wan Md Nor telah dinaikkan ke pangkat Laksamana Muda. Leftenan Komander Norzamzam bin Minirin TLDM telah dinaikkan ke pangkat Komander TLDM dan Leftenan Mohd Noorfaridzuan bin Adnan TLDM telah dinaikkan ke pangkat Leftenan Komander TLDM. Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Sains Malaysia, Professor Dr. Azlinda binti Azman pula telah dianugerahkan pangkat Komander Kehormat PSSTLDM.

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA PEMBANGUNAN KEMENTERIAN PERTAHANAN DIKURNIAKAN KEPTEN (KEHORMAT) PASUKAN SIMPANAN SUKARELA TLDM



KUALA LUMPUR, 26 Jun - Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob telah menyempurnakan pemakaian pangkat Tauliah Kehormat Pasukan Simpanan Sukarela TLDM (PSSTLDM) kepada Datuk Dr. Shahrizat binti Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertahanan yang telah diadakan di Markas Tentera Laut hari ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan mengurniakan Tauliah Kehormat PSSTLDM dengan pangkat Kepten (Kehormat) PSSTLDM kepada Datuk Dr. Shahrizat binti Haji Ahmad berkuatkuasa 29 Mac 2023 sebagai Tauliah Khas Kementerian Pertahanan. Pengurniaan Tauliah Kehormat ini adalah berdasarkan Perintah Majlis Angkatan Tentera Bil 1 Tahun 1996 dan Seksyen 198 (5) Akta Angkatan Tentera 1972.

Sehingga kini, terdapat seramai 30 orang Pegawai Kehormat PSSTLDM daripada pangkat Leftenan (Kehormat) sehingga Laksamana Pertama (Kehormat). Antaranya adalah bekas pemain badminton negara, Datuk Wira Lee Chong Wei yang dikurniakan pangkat Komander (Kehormat) PSSTLDM. Manakala Menteri Besar Kedah, Laksamana Pertama (Kehormat) YAB Dato' Seri Hj Muhammad Sanusi bin Md Nor PSSTLDM dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kepten (Kehormat) YB Senator Tengku Dato' Sri Zafrul bin Tengku Abdul Aziz PSSTLDM juga tersenarai dan merupakan ahli Jawatankuasa Pendukung masing-masing di peringkat negeri dan persekutuan.

Pengurniaan Tauliah Kehormat PSSTLDM diyakini dapat meningkatkan hubungan diantara Tentera dan Awam sekali gus memberi impak positif kepada Pasukan Simpanan Sukarela TLDM. Ianya juga mampu menaikkan imej ATM amnya dan TLDM khasnya di kalangan warga Kementerian Pertahanan.

Turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Sabri bin Zali; Panglima Pasukan Simpanan, Laksamana Pertama Azeman bin Yusoff dan barisan Pengurusan Tertinggi TLDM.

TLDM PENERIMA ANUGERAH KHAS KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PERINGKAT NASIONAL



PETALING JAYA, 25 Okt - TLDM hari ini menerima anugerah berprestij daripada Kementerian Sumber Manusia melalui Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (MNKKP) sempena Majlis Anugerah MNKKP Negara 2022, iaitu Penerima Anugerah Khas Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. Penerimaan ini melakar sejarah sebagai pengiktirafan pertama diterima oleh TLDM sejak penubuhan MNKKP pada tahun 1995.

Anugerah Khas ini adalah pengiktirafan tertinggi Negara, diberi kepada individu atau majikan daripada pelbagai sektor industri termasuk awam yang menghasilkan rekod pencapaian cemerlang di dalam pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (KKP) sepanjang tahun 2022.

Penyampaian Anugerah Khas ini telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Datuk Ts. Mustapha bin Sakmud. Manakala bagi pihak TLDM, Laksamana Muda Dato' Ir. Ts. Haji Mohd Shaiful Adli Chung mewakili Panglima Tentera Laut telah hadir untuk menerima Anugerah Khas tersebut.

Warga TLDM wajar berbangga dengan pengiktirafan berprestij dan tertinggi Negara yang diterima, justeru perlu dikekalkan manifestasi kecemerlangan dalam aspek

pengurusan keselamatan dan kesihatan. Semoga ianya memberi motivasi dan inspirasi kepada warga Navy People untuk terus maju dalam apa jua bidang demi kesiagaan operasi Armada TLDM yang tinggi.

Sumber : Markas Tentera Laut, Bahagian Kejuruteraan

Artikel : Laksamana Muda Dato' Ir. Ts. Haji Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : LK PRL Mohd Faisa bin Mamat

WARGA THE NAVY PEOPLE DI ARMADA TIMUR ZAHIRKAN PENGHARGAAN BUAT PANGLIMA TENTERA LAUT KE-17



KOTA KINABALU, 11 Jan - Seawal 6.30 pagi, seramai 322 warga yang terdiri daripada Pegawai dan Anggota Lain-lain Pangkat mula mempersiapkan diri bagi mempamerkan persembahan kawad terbaik dalam Perbarisan Penghargaan Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany.

Perbarisan yang terdiri daripada 10 platoon ini telah dipimpin Pegawai Perbarisan, Komander Mohd Faries bin Mohd Nasir TLDM serta dibantu Pegawai Waran Perbarisan, PW I TMK Mohd Ashabul Yameen bin Md Dun. Ia turut diiringi dengan alunan muzik daripada Pancaragam TLDM Timur.

Mencipta kelainan kali ini, perbarisan penuh istiadat ini turut melibatkan lintas hormat daripada Skuadron 503 yang menerbangkan ketiga-tiga Helikopter Operasi Maritim (HOM). Gimik letupan yang dikendalikan oleh Tim Juruteknik Peluru Depot Peluru dan Bahan Letupan Timur (DPLT) turut menggamatkan suasana perbarisan. Kesemua warga mempamerkan kesegakan dan disiplin yang tinggi dalam perbarisan ini. Sebagai menghargai jasa bakti Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany, simbolik turut dibentuk oleh warga.

Usai perbarisan, Panglima Tentera Laut dan isteri, Puan Sri Dato' Indera Maslina binti Ismail diraikan dalam majlis ramah mesra bersama warga Pangkalan TLDM Kota Kinabalu di Dewan Sepanggar. Panglima Tentera Laut telah menzahirkan ucapan penghargaan beliau kepada *Navy People* yang telah memberi sokongan dan kepercayaan kepada beliau dalam menerajui Tentera Laut Diraja Malaysia selama 4 tahun 2 bulan.

Seterusnya, Perbarisan Kapal atau *Fleet Review* telah dilaksanakan di sekitar Perairan Kota Kinabalu. Acara tradisi ini telah melibatkan 14 buah kapal TLDM yang beroperasi di Sabah termasuk Kapal Selam TLDM iaitu KD TUNKU ABDUL RAHMAN. HOM turut membuat penampilan dengan melaksanakan lintas hormat bagi menzahirkan penghargaan kepada Panglima Tentera Laut ke-17 itu.